

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 9 (A31)**

Keadaan jalan dari Jalan Muar dari persimpangan Tol Yong Peng menghala ke Parit Yaani dan jalan dari Yong Peng ke Paloh gelap pada waktu malam, adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah pencahayaan di kawasan tersebut bagi mengelakkan kemalangan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Kos menyediakan infra lampu jalan dan bayaran bil adalah tinggi. Sehubungan dengan itu, penyediaan lampu jalan berdasarkan kepada Analisa Waran Lampu Jalan adalah diutamakan bagi lokasi seperti, kawasan kampung, kawasan kerap berlaku kemalangan di waktu malam (memerlukan data daripada POL27), kawasan persimpangan, kawasan sekolah dan jambatan.

Berdasarkan kepada Pelan Strategik JKR 2021 – 2025, bagi Tema 4: Memacu Kelestarian, penggunaan teknologi lampu LED akan digunakan bagi pemasangan lampu jalan sekaligus dapat menjimatkan bayaran bil tetapi kos pemasangan lampu jalan LED pada masa ini masih lagi mahal.

Pada masa ini, Jabatan Kerja Raya Johor belum mempunyai perancangan bagi memasang lampu jalan di persimpangan Tol Yong Peng menghala ke Parit Yaani dan jalan dari Yong Peng ke Paloh memandangkan tiada keperluan mendesak bagi pemasangan lampu jalan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya akan meneliti laporan kemalangan jalan raya (POL27) bagi mengenalpasti jika kemalangan kerap berlaku pada waktu malam dan seterusnya membuat permohonan peruntukan pemasangan lampu jalan bagi kriteria kawasan kerap berlaku kemalangan.

Di samping itu juga, bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di kawasan tersebut, Jabatan Kerja Raya telah memohon peruntukan berkala bukan pavemen bagi mengecat semula garisan jalan tersebut bagi seksyen 0.00 – 33.05 sebanyak RM 470,000.00 pada tahun 2020 tetapi peruntukan yang diterima hanya melibatkan skop turapan semula termasuk garisan jalan sepanjang 700 m. Jabatan Kerja Raya juga telah memohon peruntukan mengecat garisan jalan tersebut Seksyen 32.00 – 33.05 bagi tahun 2021 dengan anggaran kos sebanyak RM 350,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 10 (A26)

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap penduduk taman yang terkesan kerana Covid 19?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor melalui Yayasan PBT telah menyalurkan bantuan kepada golongan B40 di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Bantuan berbentuk wang tunai, makanan dan barangan keperluan asas adalah bertujuan membantu meringan beban golongan yang terjejas pendapatan kesan penularan wabak COVID19 di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Selain itu, Kerajaan Negeri sedang di peringkat akhir menyiapkan pelan hala tuju dan garis panduan bagi mengadakan program penggalakkan aktiviti pertanian dalam kawasan perbandaran yang mempunyai sokongan infrastruktur dengan menggunakan pendekatan baru dan teknologi moden melalui Program Kebun Komuniti.

Program pembangunan Kebun Komuniti akan dilaksanakan dengan penglibatan persatuan penduduk taman-taman perumahan di kawasan lapang milik PBT yang bersesuaian bagi tujuan aktiviti tanaman.

Kebun Komuniti berpotensi dalam mengekalkan sesuatu sistem rantai makanan untuk jangka panjang dalam sesebuah komuniti. Pengekalan sistem rantai makanan ini juga untuk kelangsungan hidup terutama dalam membantu komuniti bandar yang terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID19 yang menuntut masyarakat mencari alternatif dalam mendapatkan bekalan makanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 11 (A141)**

Berapakah jumlah fidlot lembu, termasuk fidlot di bawah Pusat Fidlot Nasional (NFC) mengikut daerah yang telah beroperasi sepenuhnya serta jumlah lembu yang diusahakan sehingga kini?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Penternakan fidlot bermaksud pemeliharaan secara sistem intensif, iaitu ternakan digemukkan dalam kandang dengan pemberian makanan secara konsisten dalam tempoh pemeliharaan antara 3 bulan hingga 6 bulan sebelum dipasarkan. Dari segi pengeluaran, sistem fidlot boleh menghasilkan penjualan 2 hingga 3 kali setahun dengan unjuran jumlah jualan diantara 40,000 ke 60,000 ekor setahun.

Dalam program Fidlot Nasional Negeri Johor, terdapat 21 ladang fidlot di 3 buah daerah iaitu Segamat, Muar dan Kota Tinggi. Daripada jumlah tersebut, hanya 14 ladang satelit yang masih aktif dan 7 ladang yang tidak aktif dimana pesertanya telah ditamatkan. Ianya menyumbang sebanyak 779 ekor lembu dalam satu masa dan masih beroperasi di bawah kapasiti dan berpotensi untuk dipergiatkan.

Jumlah ternakan fidlot negeri Johor pada tahun 2019 adalah sebanyak 19,626 ekor ternakan melibatkan 83 penternak. Pihak Jabatan sentiasa memajukan penternakan fidlot, termasuk membuka ruang kepada pemohon peserta ladang satelit nasional di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 12 (A65)

Apakah persediaan kerajaan negeri Johor untuk mengangkat teknologi 5G dan bila Johor akan menjadi negeri 5G?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Susulan dari pandemik COVID-19 baru-baru ini, satu pelan tindakan baru telah dirangka bagi penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (2021–2025). Pelan tindakan ini yang dikenali sebagai Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang akan dilaksanakan dalam 2 fasa.
2. Fasa pertama (Fasa 1) yang bermula sekarang sehingga 2022 akan memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk dan mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps serta membolehkan sebanyak 7.5 juta premis secara keseluruhannya tersedia dengan akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit.
3. JENDELA Fasa 1 Di Johor akan melibatkan pembinaan 107 menara komunikasi baharu serta penaiktarafan 393 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada kepada perkhidmatan 4G di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Manakala penambahan sebanyak 68 menara baharu dan 1,960 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial oleh pemberi perkhidmatan bagi meningkatkan liputan 4G.
4. Fasa Kedua (Fasa 2) yang akan bermula 2022 ke atas adalah peralihan kepada teknologi 5G yang akan menyusuli selepas platform yang dilaksanakan di dalam Fasa 1 diperkukuhkan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 13 (A169)

Berapakah jumlah pelaburan yang masuk ke dalam negeri Johor pada tahun 2020 dan apakah strategi kerajaan dalam menarik minat pelabur untuk terus yakin melabur didalam negeri?

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sri Medan. Untuk maklluman, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam dewan mulia ini, jumlah pelaburan yang masuk ke Negeri Johor sehingga September 2020 adalah sebanyak RM 5.714 billion. Dengan nilai pelaburan tersebut sebanyak 165 syarikat telah pun melabur dan mula beroperasi di sini. Dari jumlah pelaburan tersebut, nilai pelaburan asing adalah sebanyak RM 3.39 billion manakala untuk pelaburan tempatan, jumlah nilai pelaburan yang dicatat adalah sebanyak RM 2.32 billion.

Kerajaan Negeri telah mengaturkan beberapa langkah bagi menambah nilai pelaburan ini dengan mengambil kira kesan Pandemik COVID19 terhadap pembangunan ekonomi Negeri Johor. Kerajaan Negeri telah membentangkan sebanyak tujuh ikhtiar besar yang lebih dikenali sebagai Tujuh Ikhtiar Makmur Johor sebagai langkah keluar dari belunggu COVID-19. Selain itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa berbincang dengan Kerajaan Persekutuan bagi mencari jalan penyelesaian dalam membuka pintu sempadan Johor-Singapura bagi merancakkan kembali aktiviti ekonomi dan pelaburan bagi kepentingan kedua-dua buah negara.

Kerajaan negeri juga telah bersetuju dan akan menubuhkan Pejabat Ekonomi, Pelancongan dan Kebudayaan Johor (JETCO) di Singapura yang akan berfungsi sebagai medium yang bergiat aktif dalam usaha membawa masuk pelaburan, mempromosi sektor pelancongan dan kebudayaan di antara Johor serta Singapura. JETCO akan bekerjasama dengan kementerian dan agensi kerajaan pusat serta kerajaan negeri Johor dalam usaha menjaga kebajikan rakyat Johor di Singapura

Dalam mesyuarat pertama IJEC, beberapa usul dari mesyuarat ini telah dibincangkan dan pelbagai isu-isu berbangkit telah diutarakan terutama dari sektor pembuatan dan perdagangan. Dalam masa yang sama satu Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor sedang dirangka dan akan dilancarkan. Inisiatif ini adalah hasil kolaborasi di antara BPENJ dan Invest Johor. Pelan ini adalah satu pelan pelaburan yang penting kerana ianya melengkapi Pelan Mampan Negeri Johor serta meliputi perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri dalam sektor pelaburan terutama ketika pasca pandemik COVID-19. Pelan Induk Pelaburan ini adalah perancangan dan hala tuju kerajaan Negeri dalam sektor pelaburan dan perdagangan untuk tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2020 sehingga 2030.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Jawatankuasa Pelaburan Johor (JIC) akan diperkasakan dimana skop jawatankuasa ini akan merangkumi kepada 3 bahagian iaitu Pelaburan Baru, Pemantauan Pelaburan dan Johor Convention Exhibition Bureau (JCEB). Dengan pemerkasaan JIC ini, Kerajaan Negeri akan lebih fokus dan tersasar dalam mempromosikan dan menarik pelaburan ke Negeri Johor dengan memberi penekanan kepada sektor-sektor berpotensi tinggi yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi dan pembangunan modal insan negeri Johor. Selain menyelaras pemantauan kemajuan bagi tujuan penambahbaikan aktiviti pelaburan dan perindustrian di Negeri Johor, JIC juga akan meneroka bidang baru yang dikenali sebagai “Business Events” bagi mempelbagaikan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi Negeri Johor dimana ianya sangat berpotensi untuk menjana limpahan ekonomi pelbagai sektor kepada rakyat Negeri Johor.

Kerajaan akan terus menggiatkan promosi pelaburan walaupun sesi lawatan kerja dan promosi Negeri Johor ke luar negara secara fizikal tidak dapat dilakukan sebagaimana sebelum ini, namun usaha mempromosikan pelaburan ke negeri ini terus dijalankan melalui pelbagai platform atas talian, media sosial dan juga webinar, khususnya yang melibatkan pelaburan dari Singapura dan negara negara lain dirantau ASEAN.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 14 (A168)**

Apakah perkembangan Projek By Pass Senai?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Cadangan Projek Membina Senai By Pass bagi menyelesaikan masalah kesesakan kenderaan yang melalui Bandar Kulai dan Senai iaitu laluan persekutuan FT001 sepanjang 14km telah disenaraikan dalam permohonan cadangan projek RMK12 dengan anggaran kos RM704 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 15 (A36)

Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Tourism Johor dalam memastikan sektor pelancongan kembali pulih terutamanya di pulau-pulau sekitar Johor dan destinasi pelancongan di Johor apabila diumumkan oleh kerajaan sekali lagi PKPB untuk negeri Johor?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 16 (A182)

Apakah perancangan untuk menghidupkan kembali sektor pelancongan di negeri Johor khususnya di daerah Mersing?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
(Jawapan bersekali untuk soalan A36 & A182)

YAB Menteri Besar sewaktu amanatnya telah mengumumkan bahawa Tahun Melawat Johor kini dilanjutkan sehingga tahun 2022. Walaupun sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah mengehendkan aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan terutamanya sektor pelancongan, gerak kerja seperti membangunkan dan membaikpulih infrastruktur serta kemudahan produk pelancongan, pembangunan produk serta meneliti semula usaha konservasi dan kemampunan alam sekitar telah dijalankan oleh Majlis Daerah Mersing dan Tourism Johor.

Usaha-usaha ini bagi memastikan kelangsungan sektor pelancongan serta penggiat industri seperti pengusaha chalet dan resort, operator-operator bot, agensi pelancongan di Mersing apabila PKPB ditamatkan dan pergerakan rentas negeri dibenarkan. Mengikut Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, daerah Mersing telah diklasifikasikan sebagai destinasi pelancongan di bawah kluster Marine & Islands Escapade yang menekankan tentang aspek pelancongan berdasarkan kepulauan dan hidupan marin, khususnya di Kepulauan Mersing.

Berpandukan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, berikut merupakan antara langkah-langkah bagi memacu potensi pelancongan kepulauan Mersing :-

- i) Meningkatkan keistimewaan pulau-pulau Mersing mengikut tema**
Sebagai contoh Pulau Besar sebagai destinasi perkelahan keluarga, Pulau Pemanggil sebagai destinasi memancing laut dalam dan Pulau Aur sebagai destinasi selam scuba

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

ii) Menambahbaik kemudahan infra dan utiliti di kepulauan Mersing

Membangunkan sistem feri berjadual ke semua kepulauan Mersing, menambahbaik jeti Pelancongan di pulau-pulau dan pembangunan “high-speed Internet” di kepulauan Mersing

iii) Program dan bahan promosi / Hebahan yang agresif dan unik

Penerbitan khas risalah atau buku yang memfokuskan kepada keistimewaan kepulauan Mersing contohnya penerbitan buku “Wonders Island of Johor” serta promosi yang menyeluruh di media sosial seperti Facebook, Instagram dan sebagainya

Di peringkat daerah pula, terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh **Pejabat Daerah Mersing dan Majlis Daerah Mersing** bagi memastikan Mersing kekal menjadi tumpuan pelancong di Johor. Inisiatif tersebut adalah sebagaimana yang berikut :

i) PENUBUHAN GERAK KERJA SUSTAINABLE TRAVEL MERSING DESTINATION COORDINATION GROUP (STMDCG) BAGI MEWUJUDKAN DAERAH MERSING KE ARAH PELANCONGAN LESTARI

- Sebagai sebuah daerah pelancongan yang kaya dengan keindahan semulajadi meliputi gugusan pulau, pantai, hutan dan terumbu karang bertepatan dengan konsep ‘**Dari Hutan Hujan ke Terumbu Karang**’ atau **Rainforest to Reef (R2R)**, adalah amat penting untuk merangka satu gerak kerja dalam melindungi kelestarian alam terutama penekanan terhadap keseimbangan ekosistem untuk kelangsungan generasi akan datang dan dalam masa yang sama merencanakan sektor pelancongan di Mersing
- Gerak kerja ini merupakan kerjasama antara pihak **Majlis Daerah Mersing, Jabatan Perikanan Mersing, Reef Check Malaysia, Tengah Island Conservation dan Batu-Batu Resort** serta turut disertai oleh komuniti setempat bagi memastikan semua usaha yang dilaksanakan STMDCG dapat dilaksanakan secara menyeluruh dengan kerjasama semua pihak

ii) MENJADIKAN DAERAH MERSING DIKTIRAF SEBAGAI SUSTAINABLE DESTINATION UNDER THE GLOBAL SUSTAINABLE TOURISM COUNCIL (GSTC) STANDARDS BY 2024

- Sustainable Tourism Council (STM) bercadang untuk memohon sebagai UNDP Sustainable Tourism Observatory di bawah UNWTO.
- Dengan mensasarkan GSTC Certification, STM mampu memenuhi semua 17 agenda di dalam UNDP Sustainable Development Goals

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

iii) PENGURUSAN SISA PEPEJAL LESTARI DI PULAU TENGAH DAN PULAU BESAR

- Mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal secara menyeluruh yang direka untuk pulau merangkumi pengurusan sisa makanan, rawatan air kumbahan, rawatan air basuhan (grey water), bahan pepejal kitar semula dan bukan kitar semula, bersama dengan penglibatan komuniti pulau

a) Mengoptimumkan sistem pengurusan sisa pepejal dan menilai bukti konsep di Batu Batu Resort, Pulau Tengah, Johor

- Dengan mengambil contoh Batu Batu Resort yang sudah membangunkan banyak sistem pengurusan pepejal yang berfungsi seperti sistem rawatan air basuhan, sistem rawatan air kumbahan, pengurusan sisa makanan dan program kitar semula bahan pepejal dan mengesyorkan untuk mengoptimumkan lagi sistem ini dengan menjalankan kajian ke atas sistem-sistem ini, seperti mengumpul data, mengukur impak dan kecekapan sistem ini dalam menguruskan sisa-sisa pepejal dan kumbahan.

b) Projek Perintis Pengurusan Sisa Pepejal Secara Menyeluruh di Pulau Besar dengan anggaran 500 penghuni di waktu puncak di lima pusat peranginan dan sebuah kampung

- Mengaudit sistem pengurusan pepejal sedia dan melakukan sesi konsultasi bersama masyarakat mengenai kekurangan sistem tersebut dan menyetujui harapan komuniti tersebut akan sistem yang baharu
- Melibatkan komuniti dalam fasa membina sistem baharu untuk memastikan sistem tersebut berkesan
- Sistem pengurusan sisa pepejal baharu yang dicipta bersama penduduk setempat akan mewujudkan rasa kepunyaan dan dapat memastikan sistem itu dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, dengan wujudnya sistem baharu ini, ia akan dapat membina kapasiti dan memberi peluang pekerjaan di Pulau Besar

c) Memantau tahap kesihatan terumbu karang di sekitar kepulauan Johor

- Bagi memahami bagaimana sistem pengurusan sisa pepejal dan faktor luaran yang lain memberi kesan terhadap hidupan laut yang ada di kepulauan Johor
- Data ini akan menjadi faktor penting dalam memahami impak sistem pengurusan sisa pepejal tersebut kepada ekosistem marin di kepulauan Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

- iv) **PEMBANGUNAN PELANCONGAN YANG DITERAJUI OLEH KOMUNITI MERSING**
- Sustainable Travel Mersing (STM) adalah satu inisiatif daripada pelbagai pihak yang berpusat di daerah Mersing yang berusaha dalam mewujudkan satu projek pelancongan lestari yang dikendalikan secara kolektif untuk memajukan lagi komuniti dan perniagaan yang berdaya saing di daerah ini
- v) **PELAKSANAAN SECARA BERTERUSAN PASUKAN PENDIDIK EKOLOGI DAN ALAM SEKITAR (PEDAS)**
- PEDAS adalah program jangkauan masyarakat pelbagai pihak yang ditubuh untuk mempromosikan program kesedaran alam sekitar yang tersusun dan berkoordinasi dalam kalangan masyarakat Mersing
 - Ini adalah bahagian penting dalam pembangunan pelancongan lestari dan telah berlangsung selama 12 bulan. Lebih 500 pelajar di lima buah sekolah telah dicapai pada tahun 2019/20 dan pada tahun 2021 pihak daerah berhasrat untuk memperluas program PEDAS untuk menjangkau orang dewasa dalam komuniti. Program ini dikendalikan oleh STM DCG bersama PPD Mersing
- vi) **PELAKSANAAN PROJEK PERLINDUNGAN PENYU DALAM KOMUNITI DI KEPULAUAN JOHOR**
- Persatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Pulau Tengah (Tengah Island Conservation "TIC") telah mengemukakan kertas cadangan kepada UNDP di bawah Program GEF Geran Bersaiz Kecil untuk program pemuliharaan penyu dengan kerjasama Majlis Daerah Mersing, Jabatan Perikanan Malaysia dan komuniti setempat yang berada di kepulauan Johor.
 - Sesi perbincangan telah diadakan pada 20 Oktober 2020 di mana Pengarah Program TIC telah ditemu bual oleh pihak panel ilmiah SGP UNDP
 - Pihak UNDP secara khusus, merasakan perlunya sokongan daripada pihak kerajaan dari segi peruntukan untuk memastikan keberlangsungan projek ini selepas tamat tempoh 18 bulan geran tersebut, jika UNDP bersetuju untuk membiayainya
 - Melalui geran UNDP, ia boleh membiayai projek-projek yang mengutamakan penglibatan, kesedaran dan peningkatan kapasiti komuniti setempat
 - Di dalam kertas cadangan ini, pihak STM memohon kepada pihak kerajaan agar dapat memberikan dana sokongan untuk menjalankan semula operasi tempat penetasan penyu dan membiayai operasi untuk rondaan mencari telur dan trek kaki penyu di kepulauan Johor (aktiviti-aktiviti yang tidak dibiayai oleh geran UNDP)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

vii) MEMPROMOSIKAN MERSING SEBAGAI DAERAH EKO PELANCONGAN TERMASUK TUMPUAN KEPADA MERSING GEOPARK

- Bertepatan dengan konsep 'Dari Hutan Hujan ke Terumbu Karang' atau Rainforest to Reef (R2R) dengan tujuan menyatukan semua produk, aset dan pembangunan ekopelancongan meliputi keindahan Taman Negara hingga ke kawasan pantai dan pulau serta terumbu karang promosi secara meluas perlu ditekankan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti island hopping sahaja
- Malah, daerah Mersing dalam perancangan untuk dijadikan sebagai tapak geopark kebangsaan, dan beberapa kemudahan akan disediakan termasuk information centre bagi geopark Mersing
- Antara aktiviti promosi yang giat dijalankan adalah siri jelajah Plak Selera Kita bagi memberi pengiktirafan kepada pengusaha makanan sebagai lokasi wajib singgah di Mersing dan juga aktiviti Travelog

viii) MENAIKTARAF KEMUDAHAN AWAM SEBAGAI LANGKAH PERSEDIAAN MENERIMA KEDATANGAN PELANCONG KE MERSING BAGI MEMASTIKAN SUCCESSFUL VISITOR EXPERIENCES

- a) Menambah bilangan penunjuk arah lokasi pelancongan di sekitar Bandar dengan penggunaan elemen *stick man*
- b) Mewujudkan information board di Mersing Harbour Centre sebagai one-stop centre bagi pelancongan dan Geopark Mersing
- c) Bekerjasama dengan Mersing Tourism Association bagi memudahkan penyampaian informasi kepada pelancong, operator pelancongan dan pengusaha bot
- d) Melaksanakan pengindahan kawasan pelancongan di Mersing seperti aktiviti mural di Laman Samudera (Fasa 2), esplanade dan pantai Bandar mersing
- e) Cadangan menaiktaraf jeti pelancong dan jeti pulau
- f) Cadangan bagi menambah lagi petak bagi meletak kenderaan pelancong

viii) MENINGKATKAN SKIL DAN KEUPAYAAN OPERATOR PELANCONGAN MENERUSI SIRI LATIHAN/BENKEL DAN KURSUS

- Bagi memastikan daerah Mersing mempunyai operator pelancongan yang kompeten, beberapa siri kursus yang telah dilaksanakan akan diteruskan lagi bagi melatih lebih ramai tenaga pakar termasuklah kursus tour guide dan eco-snorkel guide

Selain Mersing, **daerah Pontian** turut mempunyai sebuah pulau pelancongan, iaitu **Pulau Kukup**. Pulau ini merupakan salah sebuah pulau paya bakau yang terbesar di dunia seluas 647 hektar, yang merupakan kawasan perlindungan bagi hidupan berkaitan bakau serta tempat migrasi burung yang unik. Pulau Kukup juga

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

merupakan salah satu produk pelancongan di bawah Perbadanan Taman Negara Johor.

Beberapa inisiatif yang dirancang bagi Pulau Kukup termasuk:

- i) **Pembangunan jeti kekal** sebagai pengganti jeti terapung sementara bagi meningkatkan kemudahan ke Pulau Kukup
- ii) Pembangunan jeti utama Pulau Kukup yang **dilengkapi dengan kemudahan asas** termasuk kaunter tiket, tandas, surau serta kedai cenderamata
- iii) **Membaikpulih menara pemerhati** bagi memberi kemudahan kepada pengunjung untuk menikmati permandangan Pulau Kukup secara *aerial view*
- iv) **Menaiktaraf Jambatan Sungai Ular** bagi membolehkan bot menyusuri sungai ketika air pasang dan dapat meneruskan aktiviti pelancongan di kawasan tersebut

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 17 (A13)**

Kebanyakan Majlis Daerah di negeri Johor masih belum mengisi kekosongan Ahli Majlis secara sepenuhnya. Mengapakah kekosongan jawatan Ahli Majlis ini belum dipenuhi? Dengan kekurangan anggota Ahli Majlis, cukupkah kuorum untuk meluluskan sebarang usul?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, seramai 229 Ahli Majlis telah dilantik oleh kerajaan negeri merangkumi 16 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor. Manakala baki seramai 155 Ahli Majlis, sedang dalam tindakan bagi dibawa kepada Kerajaan.

Seksyen 10(1)(b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] – Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terdiri daripada ;

(b) Tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada dua puluh empat orang Anggota Majlis, yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bagi maksud tersebut, jumlah kuorum untuk meluluskan sebarang usul, adalah mencukupi bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 18 (A165)**

Berapakah kekosongan Ahli Majlis yang masih belum dilantik dan bilakah akan dilantik?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Jumlah kekosongan Ahli Majlis adalah 155 dan pelantikan baharu sedang dalam tindakan bagi dibawa kepada Kerajaan yang dijangkakan cadangan bagi pelantikan tersebut akan berkuatkuasa pada Disember 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 19 (A84)**

Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah kerosakan di Rumah Pangsa Jalan Ong Siong Tangkak.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Rumah Pangsa Tangkak merupakan rumah sewa beli terdiri daripada 302 unit dan mula ditawarkan kepada penerima yang layak pada tahun 1994. Oleh kerana kebanyakan unit telah habis dibayar, maka pentadbiran ini sedang dalam proses pemutihan fail-fail dan rekod pembeli bagi tujuan mengesyorkan penubuhan *Joint Management Body (JMB)* di Rumah Pangsa Tangkak tersebut.

Sementara itu, pentadbiran ini mengambil inisiatif pembaikan segera segala aduan kerosakan yang diterima di rumah pangsa tersebut. Berikut merupakan rekod penyelenggaraan dari tahun 2019 sehingga November 2020 :

Kerja	Tarikh Kerja Dilaksanakan	Nilai Kerja(Rm)
Menjalankan kerja-kerja keemasan membekal dan membaikpulih tangki 9x4x1.5 meter di dalam rumah pam	4/11/2020	6,000.00
Menjalankan kerja-kerja menganti kepingan tangki blok D yang bocor dan membuang pokok-pokok liar yang tumbuh di tangki blok A,B,C,D,E serta mengali / menutup aliran air dalam tanah di jalan masuk utama PPR Kempas Permai	30/4/2019	18,000.00
Menjalankan kerja-kerja membaikpulih 10 unit tangki utama berukuran 5mx5mx2m(H) @ 11,000GLN di Blok A,B,C,D,E Rumah Pangsa Jalan Ong Siong, Tangkak, Johor dan kerja-kerja berkaitan	13/11/2019	185,000.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 20 (A52)**

Nyatakan usaha atau pelan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk melaksanakan penstrukturan ekosistem perindustrian yang lebih memfokuskan kepada industri berteknologi tinggi, industri halal, teknologi robotik, kecerdikan buatan (AI), percetakan 3d, perkhidmatan global dan emerging technologies dalam negeri Johor.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Penstrukturan ekosistem perindustrian terutamanya kepada industri berteknologi tinggi, industri halal, teknologi robotik, kecerdikan buatan (AI), percetakan 3D, perkhidmatan global dan emerging technologies dalam Negeri Johor dijangka akan membawa perubahan drastik dan akan mengubah gaya hidup serta peradaban manusia. Perkembangan teknologi yang begitu pesat tentunya tidak dapat disekat dan kesannya pasti akan dirasai di serata dunia, termasuklah di Johor. Melalui perkembangan teknologi automasi, robotik, pengkomputeran awan (cloud computing), kecerdasan buatan (artificial intelligence) dan internet untuk segala-galanya (Internet of Things, IoT) dan komunikasi, kerja-kerja berbentuk rutin bakal diganti oleh mesin ataupun robot. Perkembangan teknologi yang pesat ini dikhuatiri boleh menyebabkan kehilangan pekerjaan terutamanya golongan pekerja separuh mahir yang terlibat di dalam kerja-kerja berbentuk rutin. Dengan berubahnya suasana dan cara bekerja, kemahiran-kemahiran yang diperlukan dari tenaga pekerja juga berubah mengikut keperluan dan perkembangan teknologi.

Yang Berhormat Speaker,

Menurut World Economic Forum, 10 kemahiran teratas yang diperlukan di dalam Revolusi Industri 4.0 adalah seperti berikut:

1. Kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks
2. Pemikiran kritis
3. Kreativiti
4. Pengurusan sumber manusia
5. Penyelarasan dengan individu-individu lain
6. Kecerdasan emosi (emotional intelligence)
7. Menilai dan membuat keputusan
8. Berorientasikan khidmat
9. Membuat rundingan
10. Keanjalan kognitif

Untuk kekal relevan, tenaga kerja yang sudah berada di alam pekerjaan tentunya memerlukan latihan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan sesuai dengan perubahan yang berlaku di tempat kerja. Hal ini

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

memerlukan sumber dan komitmen dari semua pihak yang berkaitan, sama ada kerajaan, majikan dan pekerja-pekerja itu sendiri.

Untuk membekalkan tenaga kerja pada masa hadapan pula, pendekatan baru di dalam sektor pendidikan dengan mengambil kira keperluan pasaran pekerjaan berteraskan Revolusi Industri 4.0 amatlah diperlukan. Inisiatif-inisiatif yang kreatif dan inovatif dalam pendidikan mestilah dimulakan dari sekarang kerana pelajar hari inilah yang bakal menjadi tenaga kerja pada masa hadapan. Para pelajar mestilah dilatih untuk berfikiran kritis, kreatif dan inovatif seawal peringkat pra-persekolahan lagi. Dengan kata lain, pendekatan sehala di dalam bilik darjah atau dewan kuliah tidak lagi sesuai. Golongan pendidik pula mestilah diberi latihan yang secukupnya untuk menyediakan pelajar alaf baru yang bersedia memasuki alam pekerjaan yang sangat berbeza apabila tamat pengajian nanti. Kerjasama di antara univesiti dan industri pula adalah amat penting untuk memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Dalam hal ini, ekosistem dan suasana yang kondusif mestilah diwujudkan supaya kerjasama di antara universiti dan industri dapat dilipatgandakan dan menghasilkan keputusan yang diharapkan.

Langkah pertama yang diperlukan ialah transformasi minda dalam kalangan masyarakat di negara ini di semua peringkat, tidak kira kerajaan, pendidik, industri mahu pun rakyat . Untuk itu, kesedaran mestilah ditingkatkan di kalangan semua pihak agar usaha-usaha untuk melengkapkan tenaga kerja negara untuk memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0 dapat dijayakan.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha yang komprehensif adalah diperlukan untuk memastikan penstrukturan ekosistem perindustrian yang diperlukan Revolusi Industri 4.0 bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Dalam hal ini, kita sebenarnya tidak mempunyai banyak masa dan sebab itulah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Pelan Pelaburan Negeri Johor yang mana semua perincian ini akan terkandung di dalamnya dan menjadi 'kitab' bagi semua pihak di masa hadapan. Walaupun inisiatif-inisiatif berpandukan dasar dan perancangan ini dipacu oleh pihak kerajaan, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak amatlah diperlukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 21 (A91)**

Disebabkan jarak jauh antara Mersing ke Johor dan mengambil masa yang lama untuk sampai jika berlaku kecemasan serius, adakah kerajaan bersedia menyediakan kemudahan pakar di Hospital Mersing?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Hospital Mersing adalah Hospital Kluster Johor Timur bersama-sama HSIJB dan HKT bermula pada tahun 2018 yang mana secara berkala pakar-pakar dari HSIJB akan datang memberi perkhidmatan di Mersing. Buat masa ini, semua kepakaran utama telah memberikan perkhidmatan di Hospital Mersing iaitu Perubatan Am, Pembedahan, Orthopedik, Obstetrik & Ginekologi, Kanak-kanak, Psikiatrik, Oftalmologi dan Otorinolaringologi. Manakala perancangan bagi tahun 2021, disiplin pembedahan mulut (pergigian) akan memulakan perkhidmatan. Walau bagaimanapun secara umumnya, buat masa ini belum ada perancangan untuk menaiktaraf Hospital Mersing sebagai hospital berpakar.

Kedatangan pesakit ke klinik pakar bagi tahun 2017 adalah 3,639 orang, bagi tahun 2018 adalah 4,128 orang dan bagi tahun 2019 adalah 4,464 orang.

Jumlah kes pembedahan bagi tahun 2017 adalah 27, bagi tahun 2018 adalah 66 dan bagi tahun 2019 adalah 145 kes.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 22 (A192)**

Nyatakan teknologi-teknologi berkenaan dengan "Internet of Things" yang akan dan telah diimplikasikan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri atau PBT.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Bahagian Sains Teknologi dan ICT dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan, pembangunan dan pengoperasian segala bentuk Infrastruktur dan inisiatif ICT bagi kerajaan dan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. BSTICT juga berperanan dalam membangunkan kompetensi ICT dikalangan penjawat awam Negeri Johor.
2. BSTICT juga tidak ketinggalan dalam memanfaatkan teknologi IR 4.0 untuk kegunaan kerajaan Negeri. Penggunaan Teknologi IoT telah di adaptasikan dalam pemantauan Pusat Data Kerajaan. Pusat Data yang beroperasi 24 jam sehari 365 hari setahun ini di pantau menggunakan Teknologi IoT dalam Sistem Pemantauan Persekitaran (EMS). Sistem Pemantauan Persekitaran akan menghantar maklumat berkaitan suhu pusat data, kelembapan.
3. Selain dari IoT, BSTICT juga menggunakan teknologi IR4.0 yang lain di dalam pelaksanaan ICT untuk Kerajaan Negeri Johor. Antaranya menggunakan pengkomputer awan persendirian (cloud computing) bagi Pusat Data dan Pusat Pemulihan Data Kerajaan(DRC).
4. Ini bagi memastikan perkhidmatan elektronik kerajaan berada di tahap ketersediaan yang tinggi. Kerajaan Negeri juga bakal dapat mengadaptasikan teknologi Robotics Process Automation (RPA) yang disediakan di dalam aplikasi HRMIS yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam(JPA).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 23 (A147)**

Berapakah bilangan harta tanah tidak terjual dengan nilai, lokasi dan jenisnya di negeri Johor pada tahun 2018, 2019 dan sehingga Oktober 2020. Apakah tindakan kerajaan untuk menghadapi krisis ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Bagi meningkatkan kecekapan dan pengurusan hartanah dalam aspek *overhang property* beberapa usaha telah dilaksanakan bagi perkara tersebut antaranya:

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 21.10.2020 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil. 1169/2020 iaitu Pelaksanaan Dasar Hartanah Bumiputera Negeri Johor 2020 Semasa Pandemik Covid-19 juga memberi peluang kepada pihak pemaju untuk membuat permohonan pelepasan Lot Bumiputera bagi semua jenis pembangunan dalam tempoh empat (4) bulan selepas kelulusan pelepasan pertama dengan kadaran pelepasan sebanyak dua (2) kali iaitu pada kadaran 60% bagi pelepasan kali pertama dan 40% baki keseluruhan lot bumiputera bagi pelepasan kali kedua.
- ii. Bagi merancakkan lagi jualan rumah-rumah yang diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan), pentadbiran ini giat mempromosikan melalui laman media sosial iaitu Facebook, Instagram, YouTube dan Twitter. Pendekatan penggunaan medium *e-pemasaran* yang digunakan dapat membantu mengurangkan lambakan hartanah tidak terjual di Negeri Johor. Pada tahun 2021, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) dalam perancangan untuk melaksanakan Expo dan juga promosi ke setiap daerah di negeri ini bagi mempromosikan Hartanah-hartanah lot bumiputera.
- iii. Laporan Hartanah Tidak Terjual bagi kategori kediaman di Negeri Johor untuk tahun 2018 berjumlah 6,066 unit dengan nilai RM 4.6 Bilion, 5,627 unit dengan nilai RM 4.703 Bilion bagi tahun 2019 dan sehingga 31 Oktober 2020, 6,166 unit dengan nilai RM 4.742 Bilion. Laporan ini diperolehi dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

BILANGAN UNIT KEDIAMAN SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL MENGIKUT NEGERI, DAERAH DAN JENIS Q4 2018P

State & District	Single Storey Terrace	2 -3 Storey Terrace	Single Storey SemiDetach	2-3 Storey SemiDetach	Detach	TownHous e	Cluster	Low Cost House	Low Cost Flat	Flat	Condominium/ Apartment	Total
JOHOR	429	2,113	86	628	109	62	316	53	19	262	1,989	6,066
BATU PAHAT	271	215	18	108	26	0	0	16	19	78	21	772
JOHOR BAHRU	0	1,504	0	464	56	62	289	0	0	184	1,962	4,521
KLUANG	85	39	0	17	0	0	0	6	0	0	0	147
KOTA TINGGI	0	182	50	6	0	0	0	0	0	0	0	238
KULAIJAYA	60	91	0	7	21	0	0	0	0	0	6	185
LEDANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MERSING	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MUAR	0	19	18	8	6	0	0	0	0	0	0	51
PONTIAN	0	0	0	0	0	0	27	0	0	0	0	27
SEGAMAT	13	47	0	12	0	0	0	31	0	0	0	103
TANGKAK	0	16	0	6	0	0	0	0	0	0	0	22

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

BILANGAN UNIT KEDIAMAN SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL MENGIKUT NEGERI, DAERAH DAN JENIS Q4 2019

State & District	Single Storey Terraced	2 - 3 Storey Terraced	Single Storey Semi-Detached	2 - 3 Storey Semi-Detached	Detached	Town-house	Cluster	Low-Cost House	Low-Cost Flat	Flat	Condominium / Apartment	Total
JOHOR	169	2,067	82	554	158	288	277	20	58	74	1,880	5,627
BATU PAHAT	27	66	42	73	38	0	0	0	7	6	20	279
JOHOR BAHRU	0	1,619	0	378	65	288	244	0	51	68	1,854	4,567
KLUANG	92	105	12	33	0	0	7	12	0	0	0	261
KOTA TINGGI	0	174	11	0	7	0	0	0	0	0	0	192
KULAIJAYA	24	62	0	28	20	0	7	0	0	0	6	147
LEDANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MERSING	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	26
MUAR	0	0	7	0	0	0	0	0	0	0	0	7
PONTIAN	0	18	0	21	28	0	19	0	0	0	0	86
SEGAMAT	0	23	10	21	0	0	0	8	0	0	0	62
TANGKAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

BILANGAN UNIT KEDIAMAN SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL MENGIKUT NEGERI, DAERAH DAN JENIS Q2 2020

State & District	Single Storey Terraced	2 - 3 Storey Terraced	Single Storey Semi-Detached	2 - 3 Storey Semi-Detached	Detached	Town-house	Cluster	Low-Cost House	Low-Cost Flat	Flat	Condominium / Apartment	Total
JOHOR	262	1,825	115	473	150	291	260	16	0	151	2,623	6,166
BATU PAHAT	27	97	74	70	31	0	0	0	0	102	20	421
JOHOR BAHRU	8	1,255	0	302	49	291	224	0	0	49	2,597	4,775
KLUANG	64	102	0	28	0	0	7	8	0	0	0	209
KOTA TINGGI	0	197	11	0	21	0	0	0	0	0	0	229
KULAIJAYA	131	113	0	33	26	0	10	0	0	0	6	319
LEDANG	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
MERSING	25	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	25
MUAR	7	0	20	6	0	0	0	0	0	0	0	33
PONTIAN	0	17	0	21	23	0	19	0	0	0	0	80
SEGAMAT	0	44	10	13	0	0	0	8	0	0	0	75
TANGKAK	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 24 (A4)

Mengapakah banyak rumah-rumah PPR yang telah siap tetapi sekian lama tidak dipenuhi dan nyatakan jumlahnya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 3 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah selesai dibina iaitu PPR Perling (525 Unit), PPR Pelangi Indah (442 Unit), dan PPR Melana Indah Fasa 2 (1450 Unit).

Penyerahan bagi PPR Perling dan PPR Pelangi Indah telah selesai dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) sedang dalam proses melantik Syarikat Pengurusan bagi tujuan kutipan sewa, pembersihan dan penyelenggaraan untuk kedua-dua PPR tersebut.

Manakala, pengisian penyewa dijangka dibuat pada penghujung Disember 2020 melalui Majlis penyerahan kunci bagi PPR Perling (525 unit) dan PPR Pelangi Indah (442 unit). Namun begitu, disebabkan wabak Covid-19 yang melanda Negeri ini, sebelum majlis ini dapat diadakan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) akan mendapatkan pandangan daripada Pejabat Kesihatan Negeri Johor dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi pelaksanaan SOP yang sesuai bagi majlis tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 25 (A46)

Berapakah jumlah kilang memproses buah kelapa sawit dan kilang ternakan ayam sedia ada yang berpotensi mencemarkan bekalan sumber air mentah ke Loji Rawatan Air yang sedia ada di Johor? Senaraikan semua langkah-langkah pencegahan untuk memelihara sumber air mentah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih **Yang Berhormat Jementah** yang bertanyakan soalan berkaitan pencemaran bekalan sumber air mentah ke Loji Rawatan Air (LRA) oleh kilang memproses buah kelapa dan kilang ternakan ayam sedia ada.

Berdasarkan rekod dari Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), terdapat 25 buah Kilang Kelapa Sawit (KKS) yang berpotensi mencemarkan bekalan sumber air mentah ke LRA sedia ada yang terletak di lima daerah di negeri ini, iaitu daerah Kulai, Kota Tinggi, Kluang, Muar dan Segamat. Manakala bagi ladang-ladang ayam yang berisiko menyebabkan pencemaran, pihak BAKAJ dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor sedang melengkapkan senarai ladang-ladang ternakan ayam yang berisiko untuk tindakan susulan.

Untuk makluman dewan yang mulia, BAKAJ akan sentiasa mengadakan rondaan serta penguatkuasaan secara berkala bagi memantau serta mengenal pasti premis-premis yang berisiko mencemarkan sungai serta sumber air mentah.

Notis-notis amaran akan dikeluarkan kepada premis-premis terbabit agar tindakan penambahbaikan dapat diambil sebagai langkah pencegahan. Tindakan undang-undang akan diambil dengan mengenakan kompaun kepada premis-premis yang telah dikenalpasti menyebabkan pencemaran selaras dengan Seksyen 7A, di bawah Enakmen Air 1921 (pindaan 2014). Pihak BAKAJ juga boleh membatalkan Lesen Abstraksi Air kepada mana-mana premis yang menyebabkan pencemaran sumber air mentah sejajar dengan syarat-syarat yang dikenakan di dalam lesen.

Sekiranya kes pencemaran disebabkan oleh premis yang sama berulang kali, operasi premis berkenaan perlu ditutup. Beberapa premis yang mengakibatkan pencemaran telah pun dikenakan tindakan, termasuk Kilang Pirolisis Tayar di Kulai dan Gembut, Kota Tinggi, Ladang Ternakan Khinzir di Sembrong, Kluang serta Ladang Ternakan Ayam di Kulai.

Untuk makluman **Yang Berhormat Jementah**, selain daripada tindakan undang-undang, program kesedaran bersama industri serta premis-premis berisiko

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

mencemarkan sungai turut dilaksanakan oleh BAKAJ dalam usaha memastikan mereka yang terlibat sentiasa peka dalam tanggungjawab menjaga alam sekitar, terutamanya sumber air yang menjadi nadi kehidupan manusia.

Selain itu, pihak BAKAJ turut menjalankan pemantauan kualiti air mentah melalui tiga (3) unit alat pemantauan kualiti air di Sungai Johor bagi memantau pencemaran serta sebagai amaran awal kepada pihak loji rawatan air SAJ Ranhill sebagai langkah-langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan gangguan yang lebih teruk kepada operasi loji rawatan air. Pihak BAKAJ juga akan menambah lagi tiga (3) unit alat pemantauan kualiti air masing-masing di Sungai Ulu Benut, Sungai Skudai dan Sungai Muar pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Johor dari semasa ke semasa akan sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan dan program kesedaran yang dilakukan secara berkala serta sentiasa menambahbaik undang-undang sedia ada sekiranya terdapat kelemahan.

Untuk makluman dewan yang mulia, pihak JAS turut memainkan peranan dalam usaha mengekang pencemaran air ini, iaitu dengan:-

Pertama, Kilang Kelapa Sawit terlibat akan diarahkan untuk mematuhi sepenuhnya syarat lesen yang ditetapkan JAS di dalam Jadul Pematuhan yang diberikan kepada pihak kilang. Tindakan tegas termasuk penggantungan lesen akan dikenakan jika berlaku sebarang pelanggaran syarat lesen.

Kedua, Kilang Kelapa Sawit juga diwajibkan untuk mengemukakan laporan analisa air buangan (efluen) setiap suku tahun kepada JAS supaya JAS dapat memantau pematuhan had pelepasan yang dilesenkan.

Ketiga, Kilang Kelapa Sawit diwajibkan untuk menempatkan seorang kakitangan yang *competent* (dengan izin) untuk mengendalikan sistem kolam pengolahan efluen di KKS masing-masing supaya dapat berfungsi dengan baik.

Keempat, kolam-kolam pengolahan efluen hendaklah diselenggara atau dicuci secara berkala bagi mengelakkan berlaku limpahan efluen yang memasuki alur air berdekatan seterusnya menjejaskan bekalan air mentah di LRA.

Kelima, jika berlaku sebarang kejadian tumpahan efluen atau *bund* kolam yang pecah, pihak kilang telah diminta untuk memaklumkan kepada pihak JAS dengan serta-merta dan kerja-kerja membaiki kolam yang pecah juga hendaklah dijalankan segera oleh pihak KKS.

Keenam, melalui program *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP), JAS telah memasang sistem alert di beberapa lokasi sungai terpilih di atas takat pengambilan air di Johor terutamanya untuk mengesan sebarang kenaikan paras

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

ammonia dan pepejal terampai yang tidak normal hingga boleh menjejaskan kualiti bekalan air mentah dan menyebabkan henti tugas LRA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 26 (A95)

Minta jelaskan pendekatan dan sasaran Kerajaan Negeri terhadap pertumbuhan ekonomi pasca pandemik Covid-19 bagi sektor perkhidmatan dan peruncitan di negeri Johor pada tahun 2021.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 27 (A199)

Apakah tindakan dan rancangan pihak kerajaan untuk membantu membangun semula ekonomi Negeri Johor yang terjejas akibat Covid-19.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 28 (A56)

Minta dinyatakan usaha kerajaan negeri dalam mempelbagaikan struktur ekonomi dalam bidang baru bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A95, A199 & A56)

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab secara bersekali soalan dari **Yang Berhormat Panti**, **Yang Berhormat Johor Jaya** dan **Yang Berhormat Parit Raja**.

Sebagaimana kita semua maklum, pandemik COVID-19 telah menjejaskan 'kesihatan ekonomi' secara global, dan secara tidak langsung, negara serta negeri kita sendiri berhadapan dengan situasi ini. Johor merupakan negeri yang paling terkesan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ini kerana Johor merupakan sebuah negeri yang berekonomi lebih terbuka. Malah, aktiviti ekonomi turut terkesan akibat penutupan tambak Johor yang selama ini menjadi nadi penghubung Malaysia – Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri telah merangka pelbagai inisiatif bagi mengekang kesan pandemik COVID-19 ini, terutamanya kepada sektor-sektor yang paling terkesan, iaitu pelancongan, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pembuatan dan perdagangan, pembinaan dan hartanah, pertanian dan tenaga kerja.

Kesemua inisiatif itu dirangka bagi usaha mendepani cabaran dalam memulihkan pertumbuhan ekonomi negeri dan mempelbagaikan struktur sumber ekonomi pada masa hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Antara inisiatif yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan kesan dan memulihkan ekonomi pasca covid-19, ialah:-

Pertama, merencanakan kembali sektor pelancongan menerusi tiga (3) pendekatan, iaitu memperkasa Singapore – Johor – Riau Growth Triangle (SIJO – Kepri), menyediakan Inisiatif Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan Johor dan memperkenalkan langkah yang ketat dalam aspek keselamatan dan kesihatan dalam usaha meningkatkan semula keyakinan pelancong.

Kedua, memulihkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), menerusi perlaksanaan program penggalakkan perniagaan secara maya atau *online* (dengan izin), selain pemberian insentif dan latihan perniagaan seperti “*Startup-Grants*”.

Ketiga, sektor pembuatan dan perdagangan yang akan memainkan peranan dalam usaha menarik pelaburan berimpak tinggi yang baharu, sekali gus melonjakkan kerjasama serantau, melalui *Johor Economic Trade dan Cultural Office* (JETCO) dan SIJO-Kepri.

Keempat, sektor pembinaan dan harta tanah juga tidak dipinggirkan pemulihannya, dengan beberapa inisiatif, termasuk mempercepat penyambungan semula projek infra berimpak tinggi seperti Sistem Transit Aliran Johor (RTS) dan sistem Bas Rapis Transit (BRT). Malah, kerajaan negeri turut memperkukuhkan kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta, terutamanya untuk segmen kediaman mampu milik.

Kelima, menambah baik dan memperkasa sektor pertanian menerusi perlaksanaan Polisi Makanan Johor atau *Johor Food Security* (dengan izin), juga menyediakan latihan dan peningkatan teknologi berkaitan pertanian.

Keenam, tumpuan kepada tenaga kerja dengan menyediakan padanan kerja, jalinan kerjasama dengan industri, menyelesaikan lambakan pekerja asing dengan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Sementara itu, kerajaan negeri turut menganjurkan Program Upskilling dan Reskilling dalam usaha memastikan mereka yang terjejas dengan pandemik COVID-19 atau mereka yang dibuang kerja serta sudah setahun tidak bekerja dalam menghadiri program ini dan emnambah baik kemahiran diri selari dengan permintaan pasaran kerja.

Jelas sekali menerusi kesemua inisiatif ini, kerajaan negeri nampak bersungguh-sungguh dalam usaha memacu semula ekonomi negeri Johor dan kini Johor sedang menyediakan beberapa inisiatif pendigitalan yang dilihat amat relevan dalam kita berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 pada hari ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Inisiatif pendigitalan ini juga dilihat berupaya menjadi *enabler* (dengan izin) kepada hampir semua sektor ekonomi sedia ada dan juga dalam usaha mempelbagaikan sumber ekonomi baharu.

Kerajaan negeri juga akan berusaha memacu semula ekonomi Negeri Johor menerusi beberapa inisiatif pendigitalan kerana ianya buakan sahaja amat relevan dalam mendepani situasi penularan pandemik covid-19 yang mencabar ini malah sudah pasti dapat menjadi *enabler* kepada hampir semua sektor ekonomi sedia ada dan juga dalam mempelbagaikan sumber ekonomi baharu.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 29 (A63)

Apakah status terkini pembinaan projek air Layang 2 Fasa 1 yang mampu menyelesaikan masalah defisit air terawat di kawasan selatan Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, pada masa ini kira-kira 260 juta liter sehari (JLH) air mentah Sungai Sedili Besar telah disalurkan ke Empangan Seluyut oleh PRPC Water Sdn Bhd.

Manakala, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air pula akan melaksanakan Projek Layang 2, Fasa 1 iaitu Penyaluran Air Mentah Dari Sungai Sedili Besar ke Empangan Seluyut. Pelaksanaan projek tersebut dijangka pada tahun 2021.

Pada masa ini, Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air telah menyiapkan laporan tender dan akan dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Kementerian Alam Sekitar dan Air pada bulan Disember ini.

Projek ini dijangka siap dan mulai beroperasi pada 2023 berkemampuan untuk menyalurkan air mentah ke Empangan Seluyut sebanyak 260 JLH. Adalah dijangkakan apabila siapnya Projek Layang 2, Fasa 1 ini, masalah defisit bekalan air di Selatan Johor akan dapat diatasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, susulan daripada fenomena El-Nino dan kemarau yang melanda negeri Johor khasnya dan Malaysia amnya pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Johor bersama-sama Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelan jangka masa panjang bagi meningkatkan kapasiti air mentah melalui kaedah penyaluran bekalan air mentah daripada Sungai Ulu Sedili ke Empangan Upper Layang yang diberi nama Projek Penyaluran Air Mentah Layang 2 Fasa 1 (L2F1).

L2F1 ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Bekalan Air, Kementerian Alam Sekitar dan Air (BBA, KASA) dan antara skop projek sebagaimana berikut:-

- i. Pemasangan paip sejauh 19km dengan dimensi DN1800mm dari Muka Sauk Sg. Sedili Besar ke Empangan Seluyut;
- ii. Memasang 3 set 150MLD pam di Muka Sauk Sg. Sedili Besar dan kerja-kerja berkaitan; dan
- iii. Pemisahan meter TNB dengan kapasiti maksimum 3,600kW.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Lantikan perunding bagi projek L2F1 ini telah dilaksanakan oleh BBA, KASA pada November 2019 bagi melaksanakan kerja-kerja awalan berhubung penyediaan pelan, permohonan kebenaran merancang (KM) di Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT).

Seterusnya, status terkini pembangunan adalah perunding yang dilantik telah mengemukakan permohonan KM di MDKT secara online. Manakala, permohonan secara fizikal akan dilaksanakan BBA, KASA setelah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat selesai dilaksanakan.

Bagi lantikan kontraktor, pihak BBA, KASA telah mengemukakan penilaian tender kepada urusetia Lembaga Perolehan KASA dan seterusnya akan diangkat kepada kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia berikutan had kelulusan KASA hanyalah RM100 Juta berbanding kos projek beranggaran RM154 Juta.

Justeru itu, pihak BBA, KASA menjangkakan bahawa Surat Setuju Terima projek ini dapat dikeluarkan kepada mereka yang layak selewatnya pada awal 2021 dan dijangkakan projek ini mengambil masa selama 24 bulan untuk dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)
SOALAN 30 (A108)**

Adakah terdapat pembangunan terancang di Kukup dan apakah bentuk perancangan tersebut untuk terus relevan dalam pembangunan ekonomi di masa hadapan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Pada tahun 2021, Majlis Daerah Pontian akan menyediakan Pelan Tindakan Khas Kawasan Kukup melalui perunding untuk merancang dan menyediakan maklumat pembangunan Pekan Kukup bagi menjadikan kawasan tumpuan pelancongan yang berdaya maju serta ke arah Taraf Perbandaran. Kos Perunding tahun 2021 dengan anggaran adalah RM150,000.00.

Justifikasi perancangan pembangunan adalah :-

1. Menyelaraskan semula cadangan pembangunan di Kukup berdasarkan laporan RKK Permas Kecil Kukup 2015 dan Pelan Tindakan Kukup (*Improvement Plan Of Kukup, Pontian*) (dengan izin) dengan kerjasama IRDA.
2. Merancang projek-projek "*Quick Win*" (dengan izin) bagi kawasan berpotensi di Pekan Kukup.
3. Inventori maklumat gunatanah di Kukup seperti perniagaan, rumah perkampungan nelayan, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti awam.
4. Menjadikan Bandar Kukup tarikan pelancongan yang berhampiran dengan pembangunan Jeti Antarabangsa Kukup serta mempromosikan produk-produk sediaada di Kukup.
5. Menggalakkan pembangunan yang mampan dengan memenuhi "*Sustainable Development Goal*" (SDG) (dengan izin).

Pada 23 Disember 2018, di Ruang Taklimat, Pejabat Operasi, Taman Negara, Pulau Kukup telah diadakan sesi perbincangan bagi ***mengenalpasti isu / kebimbangan komuniti dan cadangan penambahbaikan Pekan Kukup*** yang dihadiri seramai 38 orang peserta yang turut dihadiri oleh wakil penduduk, Ketua Kampung, Ketua Masyarakat, Ahli Majlis yang diadakan dengan kerjasama pihak Iskandar Regional Development Authority, IRDA.

Hasil FGD telah menemui objektif yang perlu di beri tindakan **Pembaharuan Pekan Kukup (*Renewal Of Pekan Kukup*)** (dengan izin) iaitu :

1. **Memelihara aset semulajadi dan persekitaran bandar (*Sustainability*)**

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

- (dengan izin)
2. **Menambahbaik infrastruktur dan kemudahan awam (*Accessibility*)**
(dengan izin)
 3. **Menerapkan pembangunan rendah karbon dan kecekapan sumber (*Technology*)**
 4. **Melahirkan masyarakat dan pelancong perihatin dan bersih (*Community*)**

Pada tarikh 12 Mac 2019, telah diadakan sesi 'brainstorm' bersama agensi teknikal Negeri dan Daerah bagi **mengenalpasti cadangan, penyelesaian serta anggaran kos bagi tujuan penambahbaikan prasarana dan pemulihan Pekan Kukup** yang diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian.

Cadangan penyelesaian dan penambahbaikan yang telah dibincangkan sepertimana yang berikut :

Bil	Cadangan	Anggaran Kos
1.	<i>Pembinaan Sistem Pembentung</i>	RM53,000,000.00 : 1. Pembangunan fizikal & Infrastruktur sebanyak RM50,000,000.00, - RM40,000,000.00 untuk Pembinaan Sistem Pembentungan, - RM3,000,000.00 untuk pembinaan skala kecil bagi kemodenan aquakultur - selebihnya kepada infrastruktur. 2. Program/Bengkel (Perlancongan & Kesedaran) (RM3,000,000.00)
2.	<i>Pengurusan Kemudahan Pekan Kukup</i>	
3.	<i>Sistem Keselamatan Pekan Kukup</i>	
4.	<i>Pekan Kukup Sebagai Pusat Tarikan Perlancongan</i>	
5.	<i>Pemulihan Dan Penambahbaikan Pekan Kukup</i>	
6.	<i>Pengurusan Sisa Pepejal</i>	

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

	<i>Pekan Kukup</i>	I
--	---------------------------	----------

Pada 16 Julai 2020 telah diadakan perbincangan berkaitan Pembangunan Pekan Kukup di Pejabat Daerah Pontian, dan telah dimaklumkan tentang cadangan-cadangan yang dinyatakan di atas di dalam perbincangan tersebut.

Pada tarikh 19 Ogos 2020 wakil Majlis Daerah Pontian telah hadir bagi membincangkan berkaitan dengan isu pembentungan di Pekan Kukup yang dianjurkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara di Putrajaya rentetan daripada kajian yang telah dibuat oleh pihak Indah Water Konsortium, IWK pada tahun 2014 dan ***kekangan utama bagi meneruskan projek ini adalah dari segi bajet dan juga kawasan pembangunan.***

Majlis Daerah Pontian sedang bekerjasama dengan pihak IRDA dalam mengemaskini cadangan-cadangan penambahbaikan dan pemulihan dalam membangunkan ekonomi di kawasan Pekan Kukup.

Walaupun bagaimanapun, dalam pernyataan pihak IRDA yang terkinik bertarikh 15 November 2020, "***IRDA sedang bekerjasama dengan World Wildlife Fund Malaysia (WWF Malaysia) untuk memperkenalkan bahan sangkar moden dan amalan pengurusan terbaik kepada pengusaha-pengusaha sangkar ikan yang terdapat di Selat Kukup.***

Sekiranya dijalankan secara menyeluruh, usaha ini dapat ***memastikan pemulihan kualiti air di Selat Kukup dan pemeliharaan Pulau Kukup*** sebagai sebuah Taman Negara Johor sekaligus ***meningkatkan hasil pengeluaran ikan sangkar dan meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat.*** Projek ini berada di peringkat kajian kebolehlaksanaan di mana kajian ini akan melihat pada rekabentuk sangkar serta lokasi baru yang lebih sesuai."

Untuk makluman Dewan yang mulia, terdapat Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Permas Kechil-Kukup 2015 di bawah Majlis Daerah Pontian. RKK Permas Kechil-Kukup 2015 telah diwartakan sebagaimana no warta Jilid 55 N0.14 pada 7 Julai 2011.

Kajian RKK ini seterusnya telah di selaraskan dalam Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2030 (Penggantian). Kajian RKK Permas Kechil-Kukup 2015 disediakan berdasarkan kepada keperluan-keperluan berikut:

- i. Kawasan Permas Kechil –Kukup mempunyai potensi dan sumberjaya semulajadi menjadi imej bandar Eko-Pelancongan yang perlu dieksploitasi

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

- dengan meningkatkan penyediaan kemudahan sokongan dan persekitaran yang kondusif;
- ii. Kawasan kajian memerlukan tindakan segera dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur dan utility yang sistematik terutama di kawasan kampung nelayan atas air;
 - iii. Corak sirkulasi jalan di kawasan kajian perlu dirancang dengan lebih berkesan;
 - iv. Persekitaran kawasan kajian perlu ditingkatkan untuk keselamatan fizikal yang lebih terjamin;
 - v. Penyediaan kemudahan asas dan perkhidmatan yang lebih berkualiti untuk menyokong pertumbuhan bandar eko-pelancongan;
 - vi. Kawasan sensitif alam sekitar terutama Pulau Kukup yang telah dimasukkan dalam "RAMSAR" perlu dipelihara dan diurus secara lestari.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 31 (A126)

YAB MB menyatakan 7 Ikhtiar Makmur Johor adalah Pelan Keluar (Exit Plan) kerajaan Johor daripada belunggu pandemik Covid-19 dan memperkasa semua sektor ekonominya. Setelah 5 bulan, apakah kejayaan yang telah dicipta oleh 7 Ikhtiar tersebut?

YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)

SOALAN 32 (A135)

Adakah kerajaan bersedia mengadakan perbincangan dan libat urus rentas partisan dalam merangka dasar-dasar dan langkah-langkah kerajaan negeri dalam menangani pandemik COVID-19 dan isu ekonomi? Sudahkah usaha-usaha tersebut dimulakan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

(Jawapan bersekali untuk soalan A126 & A135)

Terima kasih Tuan Speaker, izinkan saya untuk menjawab secara bersekali soalan dari **Yang Berhormat Kota Iskandar** (soalan A126) dan **Yang Berhormat Paloh** (soalan A135).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri telah pun melancarkan 7 ikhtiar Makmur Johor yang merupakan pelan keluar atau *exit plan* (dengan izin) pasca pandemik COVID-19.

Setakat hari ini, inisiatif-inisiatif yang telah digariskan menerusi 7 ikhtiar itu kini sama ada berada di peringkat telah atau sedang dilaksanakan.

Antara pelaksanaan inisiatif-inisiatifnya adalah pelaksanaan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ 2020) dengan mengambil kira aspirasi kerajaan negeri sedia ada. Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ 2020) telah siap dan akan diedarkan dalam masa terdekat.

Aspek pembangunan yang komprehensif dan mampan menjadi teras kepada pelan ini seperti pemerikasaan pembangunan berasaskan wilayah, penekanan terhadap digitalisasi terhadap aspek penyampaian kerajaan, perniagaan, komuniti dan pembangunan bakat.

Selain itu, kerajaan negeri telah mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan bagi menubuhkan *Johor Economic, Trade And Cultural Office* (JETCO) (dengan izin), di mana ia merupakan usaha kerajaan negeri dalam usaha untuk menarik pelaburan berimpak tinggi selain mempromosi sektor pelancongan dan kebudayaan negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Kerajaan negeri juga kini sedang dan telah melaksanakan inisiatif-inisiatif yang disyor oleh ahli-ahli *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) (dengan izin) di dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Johor melibatkan aspek transformasi di dalam pendekatan kerajaan merancang ekonomi negeri seperti meningkatkan penglibatan industri di dalam aktiviti ekonomi dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang membantu kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negeri atau *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) (dengan izin) yang pertama telah diadakan pada 6 Julai 2020 yang lepas.

Menerusi mesyuarat tersebut terdapat beberapa perkara utama yang melibatkan polisi serta inisiatif yang disyor oleh ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada pakar-pakar dan individu berpengalaman dalam pelbagai untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Antara inisiatif utama yang telah disyor dan sedang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Di dalam usaha menyokong sektor-sektor utama yang menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Johor dan mengurangkan impak kesan penularan wabak COVID-19, kerajaan negeri telah meningkatkan bentuk kerjasama di antara pihak kerajaan persekutuan.

Antaranya, permohonan bagi program rentas sempadan Malaysia dan Singapura kepada pelawat antrabangsa bagi tujuan sektor terpilih dan pekerja berisiko rendah seperti sektor pendidikan dan kesihatan seperti yang turut disampaikan menerusi mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang telah dijalankan pada 19 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Lanjutan dari sesi itu, sebuah "*Special Taskforce Committee*" (dengan izin) telah diwujudkan oleh kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Sumber Manusia bagi penyediaan satu data komprehensif pekerja Malaysia di Singapura dan mengenal pasti strategi dan pelan tindakan bagi menangani isu pekerja Malaysia di Singapura yang mana di antara 50%- 80% menetap di negeri Johor. Kerajaan negeri dengan kerjasama agensi di peringkat persekutuan seperti IRDA, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO, Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kerajaan negeri turut telah mengemukakan permohonan kepada pihak kerajaan persekutuan menerusi skim PENJANA RM91 juta bagi sektor pertanian bagi menyokong agenda "*Food Security*" (dengan izin) negeri Johor.

Menerusi agenda ini, kerajaan negeri berhasrat memastikan jaminan bekalan makanan dengan pengurangan import serta sebagai salah satu sumber baru bagi kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Selain itu selari dengan situasi semasa, kerajaan negeri turut mengemukakan permohonan sebanyak RM254 juta kepada pihak PENJANA bagi menyokong sektor keusahawanan khususnya di dalam membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri Johor mengembangkan perniagaan mereka termasuk aspek latihan dalam bidang digital.

Di samping itu, selaras dengan syor penyediaan *Industrial Transformation Masterplan*, kerajaan negeri menerusi Invest Johor sedang di dalam proses penyediaan Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 yang akan dijadikan asas rujukan bagi memacu lanskap sektor pelaburan di negeri Johor, khususnya bagi menarik pelaburan berimpak tinggi.

Selain itu, kerajaan negeri juga telah menggerakkan inisiatif sekuriti makanan di dalam memastikan jaminan bekalan makanan dan sebagai sumber baharu kepada negeri Johor. Usaha ini juga adalah sebagai antara usaha di dalam memastikan pewujudan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang akan menerima manfaat dengan penglibatan komuniti di dalam projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Kerajaan turut berusaha untuk mengaktifkan semula inisiatif kerjasama segitiga pertumbuhan Singapura – Johor - Kepulauan Riau (SIJORI) dan jajaran ekonomi baharu dari susulan pelaksanaan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) yang akan membawa limpahan di kawasan pantai barat negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 33 (A210)

Apakah sumbangan kerajaan Johor kepada Ketua-ketua Kampung yang menjadi frontliners sejak awal Covid-19 dan PKP bulan Mac 2020 sehingga sekarang yang terpaksa meredah kampung dan taman untuk menyampaikan sumbangan atau kerja-kerja harian mereka?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Parit Yaani** berkaitan sumbangan kerajaan Johor kepada ketua-ketua kampung yang memainkan peranan sebagai *frontliners* (dengan izin) sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kerajaan Negeri Johor amat berterima kasih dan menghargai sumbangan yang telah dilakukan oleh ketua-ketua kampung sepanjang tempoh pandemik COVID-19, terutamanya sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Di peringkat daerah pula, pihak pentadbiran sentiasa memastikan kebajikan ketua-ketua kampung terus terbela. Saya yakin, ketua-ketua kampung faham bahawa perkara yang mereka lakukan itu merupakan peranan serta tanggungjawanan yang perlu dimainkan sebagai penggerak dan pemudah cara dalam menyampaikan hasrat kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 34 (A41)

Adakah dalam perancangan kerajaan Johor untuk menaikkan taraf daerah kecil Pengerang kepada sebuah daerah sepenuhnya iaitu daerah ke-11 Negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tanjong Surat**, daerah Kota Tinggi merupakan daerah terbesar dalam negeri Johor dengan keluasan 350,894.40 hektar dan guna tanah utama di daerah Kota Tinggi adalah pertanian seluas 214,024.56 hektar serta tanaman utamanya adalah kelapa sawit. Jumlah populasi penduduk bagi daerah ini adalah seramai 227,800 orang.

Daerah Kecil Pengerang pula terletak di dalam daerah Kota Tinggi di bawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang (MPP). Luas keseluruhan MPP sebagaimana sempadan yang telah diwartakan berdasarkan pelan warta PW 50057 (JPU63) bertarikh 8 Disember 2016 adalah seluas 128,830 hektar dengan jumlah populasi penduduk seramai 151,459 orang. Antara mukim-mukim yang termasuk dalam kawasan persempadanan ini adalah Mukim Pantai Timur, Mukim Pengerang, Mukim Tanjong Surat, Mukim Johor Lama dan Mukim Sedili Kechil.

Mengikut dasar serta perundangan untuk dinobatkan sebagai sesuatu daerah, Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana peruntukan Seksyen 11 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) mempunyai kuasa mengubah, meminda dan membahagikan negeri kepada daerah-daerah, daerah-daerah kecil, mukim-mukim, bandar atau pekan.

Sebelum dinobatkan sesuatu perisytiharaan daerah baharu, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira sebagaimana perkara berikut:

Pertama, berkaitan dengan penubuhan jabatan, perjawatan dan perbelanjaan pengurusan.

Kedua, berkaitan dengan penyediaan bangunan-bangunan pejabat kerajaan dan kemudahan infrastruktur.

Ketiga, berkaitan dengan melaksana tugas-tugas yang berkaitan pemertanian sempadan daerah.

Keempat, berkaitan dengan hakmilik tanah.

Kelima, berkaitan dengan mengaturkan majlis perisytiharan dan perasmian daerah baru.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Keenam, tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pewujudan daerah baru.

Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa setakat ini tiada sebarang cadangan, polisi dan perancangan oleh kerajaan negeri untuk menaik taraf daerah Kecil Pengerang kepada sebuah daerah sepenuhnya iaitu daerah ke-11 negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 35 (A22)

Menurut keputusan MMK Johor, ringkasan mesyuarat bil 862/2019 bahawa tanah PTB 2477 dirizabkan sebagai tapak meletak kenderaan untuk HPSF Muar, maka apakah status tindakan pengosongan tanah ke atas premis yang tiada kebenaran?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Bentayan**.

Untuk makluman dewan yang mulia, permohonan ini telah **ditolak** oleh Kerajaan sebagaimana **Ringkasan Mesyuarat Bil.862/2019** bagi tujuan tapak Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar di atas **PTB 2477** seluas 0.610 hektar (1.507 ekar) Mukim Bandar Maharani Daerah Muar.

Tanah ini telah dirizabkan dibawah Seksyen 62 KTN bagi maksud awam untuk tapak meletak kenderaan di atas nama **Setiausaha Kerajaan Johor** dan diselenggara oleh **Yang DiPertua Majlis Perbandaran Muar** dan pengganti-penggantinya. Di atas tanah berkenaan terdapat Tadika Kemas, Taska Jumie, Balai raya serta binaan separa kekal (warong) dan tempat mencuci kereta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 36 (A202)

Pada bulan Mei tahun ini, kerajaan telah melancarkan satu aplikasi Jejak Johor. Berapakah kos yang telah diperuntukkan oleh kerajaan di dalam membangunkan aplikasi ini dan jumlah pengguna aplikasi ini, serta status kepenggunaan aplikasi tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman dewan yang mulia, Aplikasi 'Jejak Johor' telah dilancarkan pada 21 Mei 2020. Aplikasi ini boleh dimuat turun oleh pengguna Android menerusi *Goggle Play Store* atau pengguna iOS di *Apple Store*. Aplikasi ini dilengkapi dengan dua sistem, iaitu sistem pengesanan kontak rapat dan sistem pemantauan kuarantin.

Pengguna hanya perlu mendaftar menggunakan nombor telefon bimbit yang berdaftar bagi memudahkan pengguna dihubungi oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ). Pengguna juga perlu bersetuju dengan Terma dan Syarat penggunaan aplikasi, pastikan *bluetooth* sentiasa terpasang bagi memberikan kebenaran untuk penyaluran notifikasi. Setiap pengguna akan menerima 1 ID unik dan aplikasi perlu sentiasa aktif sepanjang tempoh pandemik COVID-19 ini.

Aplikasi ini dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dengan menggunakan gabungan teknologi pengecaman dan platform analisis data Iskandar Malaysia Urban Observatory COVID-19 Crisis (IMUOCC).

Pelancaran aplikasi ini adalah sejajar dengan pengumuman kerajaan yang membenarkan lebih banyak sektor kerajaan dan swasta untuk beroperasi menyebabkan lebih ramai mula bekerja atau berurusan di luar.

Penggunaan aplikasi ini adalah secara sukarela. Selain digunakan oleh pihak individu, aplikasi ini turut dipromosikan bagi tujuan pemantauan di beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Johor.

Aplikasi ini menggunakan kaedah pendaftaran secara imbas kod QR untuk masuk ke dalam premis-premis perniagaan, selain daripada penggunaan MySejahtera ataupun menulis secara manual.

Namun begitu, aplikasi ini boleh dijadikan sebagai mandatori atau syarat utama kemasukan ke premis perniagaan serta pusat kuarantin di kawasan-kawasan 'Hotspot', jika terdapat kes penularan COVID-19 yang meningkat dan tidak terkawal di dalam negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

Untuk makluman **Yang Berhormat Penggaram**, anggaran kos pembangunan aplikasi ini adalah bernilai RM53,050 yang turut merangkumi kerangka sokongan serta analisa data. Bagaimanapun, dengan penglibatan daripada pihak UTM, ESRI dan UNDP, pembangunan aplikasi ini menjadi lebih mudah dengan sumbangan daripada agensi berkenaan dari segi kepakaran, khidmat membangunkan aplikasi, suntikan dana dan khidmat nasihat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 37 (A92)**

Adakah pihak PDRM bersedia untuk menyediakan sebuah pondok Polis (berjadual tugas) di Terminal Bas/Teksi Mersing untuk keselamatan penumpang bas yang tiba di terminal waktu lewat malam atau subuh?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Endau**, buat masa ini, pihak IPD Mersing tidak mempunyai perancangan untuk membina Pondok Polis (Penugasan berjadual) di Terminal Bas/Teksi Mersing berikutan terdapat kekangan logistik serta kekurangan kekuatan anggota. Ini kerana, lawatan dan rondaan masih lagi dibuat oleh URB/MPV.

Jadual pengangkutan awam di Mersing juga tidak begitu sibuk sehingga memerlukan kehadiran Polis secara total. Sehingga hari ini, tiada sebarang aduan rasmi diterima berhubung kejadian jenayah yang melibatkan pengguna pengangkutan awam, khususnya di Terminal Bas/Teksi Mersing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 02 DISEMBER 2020**

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 38 (A188)

Nyatakan bilangan kes mencuri/menceroboh infrastuktur awam misalnya mencuri wayar yang mengakibatkan kerosakan infrastuktur telah dilaporkan kepada pihak polis.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Ahli Yang Berhormat**, jumlah kes curi / ceroboh infrastruktur awam yang dilaporkan di Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Kontinjen Johor adalah sebanyak 423 kes terdiri daripada 56 kes melibatkan infrastruktur milik syarikat telco, 85 infrastruktur milik TNB dan 282 infrastruktur milik telekom melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM2.935 juta.

SYARIKAT TELCO		TNB		TELEKOM	
JUM.KES	KERUGIAN	JUM.KES	KERUGIAN	JUM.KES	KERUGIAN
56	RM 108,914	85	RM 1,442,701	282	RM 1,383,101